

BAB LIMA

BAB LIMA

PENUTUP

5.1) RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat ke atas masalah penyalahgunaan dadah yang berlaku di kalangan remaja Islam ini, dapatlah dibuat rumusan secara ringkasnya, bahawa zaman remaja merupakan zaman peralihan yang penuh dengan dugaan dan pancaroba kerana banyak pengaruh daripada luar yang membentuk mereka seperti faktor rakan sebaya, faktor persekitaran yang datang contohnya daripada pusat-pusat hiburan yang ada yang dapat merangsang remaja ini untuk meniru dan terjerumus ke dalamnya. Ini kerana setengah remaja mengalami kesukaran menghadapi zaman remajanya. ¹ Pelbagai jenis masalah seperti perubahan diri, mental, percubaan-percubaan dalam hidup yang berbagai bentuk seperti percubaan merokok, mengambil dadah, hubungan seks dan pelbagai lagi berlaku pada masa sekarang sehingga membawa kepada akibat yang tidak diingini. Namun begitu, bagi setengah remaja yang tidak menunjukkan sebarang masalah dan sebaliknya sentiasa riang dan gembira pada waktu ini, melihat zaman remaja itu sebagai satu zaman kegemilangan perkembangan. Namun ia tetap merupakan zaman yang mencabar kewibawaan ibu bapa dan remaja itu sendiri dalam menangani segala dugaan dan masalah yang datang. Oleh itu cara gaya keibubapaan yang memberi sokongan sosial dan emosi yang bersesuaian dengan keadaan diri remaja tersebut adalah amat perlu dalam pembentukan sahsiah anak-anak remaja.

Selain masalah penyalahgunaan dadah yang telah diisytiharkan sebagai di antara masalah sosial yang paling utama dan musuh nombor satu negara, terdapat banyak lagi bentuk-bentuk masalah sosial yang lain yang juga serius seperti masalah pelacuran, bohsia, remaja lari dari rumah dan sebagainya yang melibatkan kecacatan tutur kata, perilaku ataupun tingkah laku anak-anak remaja. Justeru itu, penyenaaraian bentuk-bentuk masalah sosial lain yang dipaparkan ini diharapkan dapat memberi idea kepada para penyelidik akan datang untuk membuat kajian seterusnya mengenai salah satu bentuk masalah sosial yang melibatkan setengah golongan remaja ini. Di samping dapat membuat perbandingan atau persamaan samada masalah-masalah sosial ini berpunca daripada keadaan diri sendiri ataupun keadaan persekitaran yang membentuk mereka seperti faktor rakan sebaya, keadaan latar belakang keluarga dan sebagainya juga diharapkan dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menangani masalah gejala sosial ini.

Seterusnya, Islam telah meletakkan bahawa perubahan tanggungjawab seorang kanak-kanak kepada tanggungjawab seorang dewasa mukalaf sebagai asas bermulanya masa remaja. Psikologi pula meletakkan perubahan fizikal, fisiologi dan psikologi seorang individu kanak-kanak sebagai penentu bermulanya masa remaja. Dengan ini menurut Islam, tertanggunglah ke atas anak-anak remaja ini segala tugas dan tanggungjawab agama yang berhubung dengan hal-hal muamalat, nikah, jinayat, ibadat dan sebagainya. Oleh itu, mereka ini dituntut untuk menunaikan segala kewajipan ini dan berdosa sekiranya meninggalkannya.

Manakala jika dilihat kepada permasalahan hukum ke atas penyalahgunaan dadah, pada asalnya, ia tiada ditentukan menurut nas dari al-Quran dan Hadis sebagaimana penentuan hukum haram arak yang telah jelas dalam kedua-dua sumber tersebut. Namun begitu, dadah dan aktiviti yang berkaitannya juga telah dihukumkan sebagai haram berqiyaskan hukum arak. Ini berdasarkan persamaan dari segi *'illah* atau sifat-sifat tertentu yang dapat dikaitkan di antara kedua-dua masalah. Antaranya, kedua-duanya menyebabkan mabuk, ketagihan, melemahkan akal fikiran dan merosakkan kesihatan. Namun begitu, pengharaman tersebut adalah berdasarkan qiyas kepada *'illahnya* bukan qiyas kepada kuantiti atau kualitinya. Oleh itu hukum dadah ini adalah haram berqiyaskan hukum arak kerana persamaan dari segi *'illahnya* yang menyebabkan mabuk dan ketagihan. Walaubagaimanapun, sekiranya dadah digunakan untuk tujuan perubatan iaitu dalam dos kecil atau kuantiti yang sedikit, ia adalah dibenarkan dan sah mengikut syarak. Hukum dadah ini juga jelas haram sebagaimana telah diwartakan oleh Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang telah membuat penetapan pengharaman ke atas sebarang penyalahgunaan dadah berdasarkan faktor-faktor keagamaan, keselamatan dan kesihatan.

Dan didapati, banyak faktor penyebab kepada keruntuhan akhlak remaja khususnya yang berkaitan dengan permasalahan penyalahgunaan dadah ini. Tetapi didapati bahawa faktor luar yang datang daripada pengaruh rakan-rakan sebaya merupakan faktor terpenting kepada perilaku negatif para remaja ini. Ini dapat dilihat daripada hasil temubual yang telah dibuat ke atas para penagih yang

sedang menjalani proses pemulihan di institusi-institusi pemulihan yang telah dipilih seperti Pusat Serenti Dengkil, Darul Islah juga Sekolah Henry Gurney.² Laporan statistik yang didapati daripada Agensi Dadah Kebangsaan juga membuktikan bahawa faktor rakan sebaya merupakan faktor terpenting kepada punca masalah penyalahgunaan dadah ini.³ Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa faktor-faktor sampingan yang lain seperti perasaan ingin tahu dan mencuba sendiri, faktor keseronokan juga keluarga samada yang bertatarbelakangkan dari keluarga mewah, sederhana ataupun miskin⁴ juga memainkan peranan penting menjadi penyebab kepada perilaku negatif para remaja ini. Semua faktor-faktor utama dan sampingan ini dapat ditangkis dan dihalang oleh individu remaja itu sendiri sekiranya mereka benar-benar punya ketahanan diri yang kuat untuk menangkis segala perasaan dan nafsu diri di samping mendapat bantuan, perhatian dan didikan yang penuh dan sewajarnya daripada ibu bapa, saudara terdekat juga masyarakat sekeliling.

Selain itu, walaupun banyak program yang telah dijalankan dalam usaha mencegah dan memulihkan para penagih, namun bilangan penagih tetap meningkat dari sehari ke sehari. Ini disebabkan antaranya oleh faktor persekitaran yang lebih banyak menarik golongan remaja ini terpengaruh dengannya seperti pengaruh rakan-rakan sebaya mereka yang lebih kuat mendorong mereka melakukan perkara-perkara negatif di samping perasaan ingin mencuba dan ingin tahu yang kuat dalam diri remaja berbanding mengikuti program-program yang baik yang diadakan untuk mereka. Sebab lainnya pula adalah faktor dalaman diri penagih itu sendiri yang tiada kemahuan dan tekad yang kukuh untuk

memperbaiki diri sendiri walaupun mereka mengikuti segala program rawatan dan pemulihan yang ada. Selain itu, tiada sokongan daripada keluarga terdekat khususnya ibu bapa dan adik beradik merupakan faktor para penagih kembali semula menagih.

Dilihat pula antara pusat pemulihan kerajaan dan swasta, memang tidak dinafikan bahawa pusat pemulihan swasta lebih menampakkan kejayaan dalam merawat pulih penagih-penagih dadah yang didaftarkan di bawahnya. Umpamanya PRABILA dan Darul Islah lebih berjaya memulihkan penagih-penagih dadah kembali seperti sediakala. Tambahan pula, kedua-dua pusat pemulihan tersebut mengambil berat dan membuat program susulan ke atas penagih-penagih tersebut sehingga mereka berjaya hidup di luar dengan mempunyai kerjaya dan keluarga sendiri. Namun begitu, peranan pusat pemulihan kerajaan juga tidak dinafikan banyak membantu menampung penagih-penagih dadah yang semakin meningkat bilangannya serta menampakkan kesungguhan mereka untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah ini.

Sebagai kesimpulan akhir, para ibu bapa khasnya dan masyarakat amnya perlulah menyedari bahawa remaja yang berada pada peringkat transisi antara era kanak-kanak ke era dewasa memerlukan bimbingan dan pedoman serta perhatian daripada semua pihak supaya dapat menjadi generasi transisi yang berguna dengan tidak bergantung kepada bahan-bahan yang merosakkan seperti dadah, rokok, arak dan sebagainya.

5.2) SARANAN

Memandangkan peningkatan bilangan penagih tidak kira peringkat umur naik setiap hari, sewajarnya beberapa langkah perlu diambil untuk memperbaiki keadaan. Antaranya, tindakan pencegahan adalah lebih baik daripada merawat. Bak pepatah Melayu ada menyebut, mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Konsep tersebut memerlukan penggembelengan sepenuh tenaga dan usaha daripada semua pihak samada badan berkuasa dan orang perseorangan. Memandangkan seriusnya penyalahgunaan dadah di kalangan remaja ini, pihak ibu bapa perlu mengambil tugas yang berat dalam mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi. Didikan yang berbentuk kerohanian dan emosi tanpa melebihi kepada material dan kemewahan adalah ubat pencegah yang terbaik untuk anak-anak. Jangan mengambil sikap tidak mengapa dan hanya sekadar menunggu untuk mengubati setelah anak-anak tersebut telah menjadi serius dengan terlibat dalam permasalahan penyalahgunaan dadah ini. Kerana jika keadaan ini berlaku, ia akan menjadi satu kes dan keadaan yang lebih sukar untuk dirawati dan dipulihkan untuk kembali seperti sedia kala.

Manakala bagi pihak institusi yang terlibat dalam proses pemulihan dan rawatan penagih perlu memantapkan lagi pengisian program-program yang dijalankan di institusi tersebut. Pengisian akal, mental, fizikal dan santapan rohani serta jasmaninya perlu seimbang dan seiring. Konsep dan aspek rawatan yang diterapkan kepada setiap penagih perlu lebih menekankan kepada konsep rawatan kekeluargaan yang lebih mengajar mereka erti tanggungjawab dan kasih

sayang (love and caring attitude). Kerana kebanyakan pusat-pusat pemulihan yang ada sekarang lebih memberi penumpuan kepada konsep rawatan ala tentera yang lebih keras dan tegas yang tidak begitu sesuai untuk jiwa remaja yang berdarah muda dan sentiasa berubah-ubah.

Tambahan lagi, prasarana dan persekitaran pusat pemulihan perlu dikaji semula kerana kebanyakannya lebih menampakkan sebagai pusat tahanan atau dengan kata lainnya iaitu seperti penjara untuk mereka yang bersalah. Persekitaran yang lebih berkonsepkan seperti berada di rumah sendiri iaitu tanpa kawalan ketat dan pagar yang memisahkan penghuni dengan dunia luar sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh pusat pemulihan PRABILA dan Darul Islam lebih sesuai dengan diri remaja itu sendiri yang sentiasa berubah-ubah emosinya.

Selain itu, kakitangan yang ditugaskan untuk menjaga penghuni-penghuni di pusat-pusat ini perlulah dilatih secukupnya untuk menghadapi mereka yang bermasalah ini. Dan sebaiknya, kakitangan tersebut bukanlah daripada kalangan mereka yang masih muda dan baru menamatkan pengajian yang tiada lagi berpengalaman untuk menghadapi masalah yang besar seperti kes penyalahgunaan dadah ini. Dan yang terbaiknya adalah bekas penghuni pusat itu sendiri yang telah tamat menjalani rawatan dan pemulihan daripada pusat-pusat pemulihan dadah ini. Ini kerana mereka yang sudah pernah terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah ini adalah mereka yang amat sesuai dan memahami keadaan sebenar diri penagih itu sendiri. Cara ini adalah amat

berkesan sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh PRABILA bilamana 80% kakitangannya adalah bekas penghuni pusat itu sendiri yang telah melatih penghuni-penghuni yang datang menjalani rawatan di situ.

Selain itu, adalah perlu bagi setiap pusat pemulihan penagih ini untuk mengambil berat dan mengikuti perkembangan bekas penghuninya yang telah tamat menjalani rawatan. Kerana jika tiada susulan seperti itu, dipercayai 90% daripada mereka akan kembali menagih semula.

Nota Hujung

¹ Mahmood Nazar Mohamed , *Op. Cit.* hal. 213-214.

² Lihat lebih lanjut Bab 4, pada jadual hasil temubual di Pusat Serenti Dengkil, Jadual H, hal. 195 , Darul Islah, Jadual K, hal. 205 ; juga Sekolah Henry Gurney, Jadual U, hal. 224.

³ Lihat Bab 3, Jadual 11 kes mengikut sebab mula mengguna dadah, hal. 144.

⁴ Lihat contoh pada Bab 4, dapatan temubual di Pusat Serenti Dengkil, Jadual H , hal. 195 , Sekolah Henry Gurney, Jadual U , hal. 224.